

12/06/2003

Dr M arah kurangkan kerenah birokrasi

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengarahkan kerajaan negeri mengurangkan kerenah birokrasi dalam proses kelulusan semua projek pembangunan bagi membantu merangsang ekonomi negara.

Arahan itu disampaikan Perdana Menteri pada mesyuarat dengan Menteri Besar dan Ketua Menteri di Putrajaya selama kira-kira tiga jam berakhir jam 6 petang.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa menteri Kabinet. Kali terakhir mesyuarat yang sama diadakan pada 14 Januari lalu.

Beberapa Menteri Besar dan Ketua Menteri yang dihubungi selepas mesyuarat itu menjelaskan Perdana Menteri membuat arahan itu kerana tidak puas hati dengan kelewatan kelulusan di sesetengah negeri seperti pindah milik tanah, sijil layak menduduki (CF), pelan bangunan serta penguatkuasaan undang-undang.

Berikutan itu, Perdana Menteri mahu tindakan cepat diambil bagi menggalakkan sektor swasta melabur, sekali gus membolehkan rakyat menikmati hasil pembangunan.

Malah, Dr Mahathir turut meminta kerjasama kerajaan negeri menjayakan segala rancangan mengikut Pakej Strategi Baru bernilai RM7.3 bilion yang diumumkannya baru-baru ini, bagi membolehkan rakyat semua peringkat mendapat manfaat.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata arahan Dr Mahathir supaya kerenah birokrasi dikurangkan bertujuan memastikan pelaksanaan setiap projek berjalan lancar.

"Misalnya jika pihak swasta membuat pelaburan dalam sesuatu projek, Perdana Menteri mahu kelulusan dipercepatkan. Ini termasuk soal pindah milik tanah dan pelan bangunan," katanya.

Beliau berkata, masalah air turut dibincangkan kerana sesetengah negeri menghadapi masalah bekalan itu pada masa akan datang dan isu ini akan terus dibincangkan pada mesyuarat akan datang.

Katanya, Dr Mahathir juga mahu kerajaan negeri berbelanja dengan bijak untuk projek yang mustahak saja kerana peruntukan agak terhad, selain diminta mengawasi pelaksanaan projek yang dilaksanakan itu.

"Perdana Menteri turut menegur kelewatan pengeluaran CF yang sepatutnya dikeluarkan dalam tempoh dua minggu selepas semua syarat dipenuhi," katanya.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, pula berkata Dr Mahathir mahu sesetengah projek yang dilaksanakan kerajaan negeri ditangguhkan dan kementerian berkaitan akan mengenal pasti projek terbabit.

Katanya, Perdana Menteri juga mahu rakyat mendapat faedah sepenuhnya Pakej Strategi Baru dengan meminta kerajaan negeri melaksanakan segala syor bagi merangsang ekonomi.

"Perdana Menteri memberitahu bahawa kedudukan Malaysia masih bertahan meskipun ekonomi dunia agak merosot. Dengan itu, beliau mahu setiap kerajaan negeri membantu merangsang ekonomi dan juga mahukan program 'satu kampung satu produk' dipertingkatkan.

"Bagi tujuan ini juga, Dr Mahathir mahu kerenah birokrasi dikurangkan dan menggiatkan usaha untuk menggerakkan sektor ekonomi di samping menguatkuasakan segala undang-undang yang ada," katanya.

Sementara itu, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata Perdana Menteri memberi penekanan khusus supaya urusan pemberian CF dipermudah dan dipercepatkan.

Katanya, pemberian sijil itu yang dikendalikan pihak berkuasa tempatan (PBT) sepatutnya dapat diselesaikan dalam tempoh dua minggu, tetapi ada yang berlanjutan sehingga beberapa tahun berikutan kerenah birokrasi.

"Di Pahang, kita tidak begitu menghadapi masalah itu (kelewatan pengeluaran CF) kerana perkara ini sering dibincang pada mesyuarat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri," katanya.

Mengenai penerangan pakej strategi baru, Adnan berkata, Dr Mahathir menasihatkan setiap negeri supaya berbelanja mengikut kemampuan.

Katanya, Kerajaan Pusat tidak mungkin dapat meningkatkan perbelanjaan pembangunan jika pelbagai cukai sentiasa diturunkan.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, pula memberi jaminan kerajaan Perak akan mempercepatkan pengeluaran CF bagi semua projek yang dilaksanakan di negeri itu seperti yang diarahkan Perdana Menteri.

Beliau berkata, arahan Perdana Menteri itu penting dipatuhi bagi memastikan pembangunan dapat berjalan lancar tanpa banyak kerenah birokrasi.